



**ISNIN, 5 OGOS 2024
UNTUK SIARAN SEGERA**

**PESAWAT LATIHAN TERSASAR DARI LANDASAN DI LAPANGAN
TERBANG ANTARABANGSA MELAKA**

PUTRAJAYA – Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) mengesahkan satu insiden membabitkan sebuah pesawat latihan jenis Piper PA28-181, 9M-SKF di Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka pada 4.09 petang, Isnin, 5 Ogos 2024. Pesawat yang dikendalikan oleh Malaysian Flying Academy (MFA) telah hilang kawalan semasa pendaratan dan tersasar keluar dari landasan.

Insiden melibatkan seorang juruterbang pelatih dan dilaporkan berada dalam keadaan selamat. Pesawat terbabit dalam proses pengalihan dan pemeriksaan penuh landasan sedang dilaksanakan untuk memastikan keselamatan operasi lapangan terbang.

Biro Siasatan Kemalangan Udara di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia akan menjalankan siasatan insiden mengikut Bahagian XXVI Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam 2016.

DATO' KAPTEN NORAZMAN BIN MAHMUD
Ketua Pegawai Eksekutif
Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia